


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028


MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Majlis Amanat Perdana Perdana Perkhidmatan Awam ke-20 (MAPPA XX)

- MITASA tidak melepaskan peluang untuk menyertai sama Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-20 (MAPPA XX) oleh Perdana Menteri, Dato Seri Anwar Ibrahim di PICC Putrajaya pada 15 Ogos.
- MITASA diwakili oleh Presiden, Encik Saharudin Lin dan dua Exco iaitu Puan Atifah Othman dan Encik Mohd Shahrudin Mohmud. Perdana Menteri telah menyempurnakan majlis ini dengan amanat berinspirasi, menggariskan tekad dan hala tuju bagi memperkukuh agenda reformasi perkhidmatan awam negara dengan tema 'Perkhidmatan Awam MADANI Teras Kecemerlangan'
- Dalam ucapannya, Perdana Menteri telah mengumumkan penambahbaikan skim Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA), Memperkasa Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai pusat rujukan kecemerlangan perkhidmatan awam di rantau Asia dan global, inisiatif Program APEL.Q @ INTAN diteruskan untuk tahun 2026 dengan jumlah peruntukan RM1.5 juta dan juga penambahbaikan kemudahan cuti Haji.



- Kehadiran MITASA adalah melalui jemputan khas oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) ahli gabungan CUEPACS. MITASA mendukung hasrat Perdana Menteri dengan wadah kebersamaan dalam mengangkat martabat perkhidmatan awam agar menjadi medan penyatuan semangat, iltizam, dan komitmen demi Malaysia MADANI yang lebih sejahtera dan berdaya saing.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.